

**Bank Negara Umum Langkah Liberalisasi Pasaran Kewangan
Bernama
30 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Bank- bank tempatan berlesen kini dibenarkan berdagang mata wang asing dengan mata wang asing lain, dengan pemastautin, berkuatkuasa mulai esok, demikian menurut satu pengumuman Bank Negara Malaysia Isnin.

Bank pusat itu juga mengumumkan bahawa mulai esok, bank-bank tempatan berlesen dibenarkan menawarkan derivatif kadar faedah dalam denominasi ringgit kepada bukan bank bukan pemastautin.

Kelonggaran juga diberikan kepada pemastautin untuk menukar obligasi hutang ringgit atau mata wang asing sedia ada mereka kepada obbligasi hutang mata wang asing yang lain, katanya dalam satu kenyataan.

Semua langkah ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk mempertingkatkan daya saing ekonomi dan membangunkan pasaran kewangan domestik.

Langkah-langkah yang seiring dengan teras am Rangka Tindakan Sektor Kewangan ini akan menyumbang ke arah peningkatan tahap kecairan, keluasan dan penyertaan pelbagai peserta dalam pasaran kewangan domestik.

Dengan liberalisasi ini, pemastautin dibenarkan membeli dan menjual mata wang asing dengan mata wang asing lain bagi sebarang tujuan, termasuk perniagaan.

Bagaimanapun, transaksi sedemikian hanya boleh dilaksanakan dengan bank tempatan berlesen, katanya.

Bank tempatan berlesen adalah bank komersial berlesen, bank Islam berlesen dan bank pelaburan berlesen di Malaysia.

Bank Negara berkata pengurup wang berlesen dan pengusaha perkhidmatan penghantaran wang yang diluluskan hanya dibenarkan membeli dan menjual mata wang asing dengan pemastautin dan bukan pemastautin secara tunai.

Katanya, liberalisasi itu tidak termasuk perniagaan mata wang asing dengan ringgit.

Individu pemastautin boleh juga berniaga mata wang asing dengan mata wang asing lain, katanya.

Bagaimanapun, dalam menawarkan produk itu kepada mana-mana pemastautin, termasuk individu, sesebuah bank tempatan berlesen itu dikehendaki memastikan pemastautin itu menepati penilaian kesesuaian seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara.

Bank pusat itu juga berkata pemastautin boleh membeli atau menjual mata wang asing

dengan mata wang asing yang lain berasaskan semerta atau ke hadapan dan boleh membiayai perniagaan daripada dana mata wang asing mereka yang sedia ada dalam sebarang jumlah.

Mereka juga boleh membiayai perdagangan mereka dari pertukaran ringgit berasaskan semerta (tertakluk kepada peraturan sedia ada mengenai pelaburan dalam aset mata wang asing) atau kemudahan kredit mata wang asing yang dibenarkan, jelasnya.

Bank Negara berkata derivatif kadar faedah berdenominasi ringgit termasuklah kontrak hadapan kadar faedah, opsyen dan penukaran.

Katanya pertukaran melalui penukaran obligasi hutang ringgit atau mata wang asing kepada obligasi hutang mata wang asing lain akan dianggap sebagai kemudahan kredit asing dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ada tentang kemudahan kredit mata wang asing yang diperolehi pemastautin.

Penukaran melalui pertukaran obligasi hutang ringgit tidak seharusnya membawa kepada penyerahan sebenar mata wang asing pada permulaan transaksi itu, katanya.

Bank Negara berkata penukaran itu juga tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada tentang kemudahan kredit mata wang asing yang diperolehi pemastautin.

Semua penukaran melalui pertukaran yang melibatkan obligasi hutang ringgit mestilah dilaksanakan dengan bank tempatan berlesen dan tertakluk kepada peraturan sedia ada mengenai kemudahan kredit mata wang asing, katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642962>